

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak Petronas menandatangani *Commercial Settlement Agreement* dengan Kerajaan Sarawak berapa jumlah vendor tempatan Sarawak didaftar dengan Petronas dan berapa jumlah pengagihan pendapatan dari kerja-kerja yang diberikan oleh Petronas diperoleh oleh Sarawak.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah vendor tempatan Sarawak yang berdaftar dengan PETRONAS pada suku kedua tahun 2021 adalah berjumlah 592 vendor.
2. Berdasarkan perbelanjaan perolehan, jumlah nilai perbelanjaan (*spend value*) kepada vendor-vendor tempatan Sarawak dari Disember tahun 2020 hingga suku kedua tahun 2021 mencecah RM1.76 bilion, iaitu RM1.00 bilion di dalam Sarawak dan RM0.76 bilion di luar Sarawak. Ini adalah hasil daripada keberkesanan program-program yang dilaksanakan oleh PETRONAS dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.